



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

PELATIH PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT TABUR BAKTI KEPADA KOMUNITI

PENDANG, 12 November - Seramai kira-kira 22 orang pelatih Perintah Khidmat Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat melakukan aktiviti kerja komuniti sebagai salah satu aktiviti dalam memenuhi agregat jam perintah khidmat masyarakat.

Antara aktiviti yang dilaksanakan hari ini seperti mengecat tembok masjid, gotong royong persiapan program dan program *homehelp* di dua (2) buah rumah klien.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, penganjuran program sebegini dapat menyebarluaskan lagi perkhidmatan Kementerian melalui JKM agar masyarakat lebih memahami dan mendapat manfaat daripada pelaksanaan dasar dan program Jabatan yang berteraskan "Out Reach Programme" sebagai satu strategi turun padang dan dekat di hati rakyat yang berfokus serta meninggalkan impak kepada masyarakat khususnya golongan sasar.

"Selaras dengan konsep 'Kebajikan Tanggungjawab Bersama', pasukan Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan lain-lain NGO seperti PERWANI dan pertubuhan belia sekitar turut sama terlibat dalam menjayakan aktiviti pada hari ini."

"Kolaborasi sebegini amat wajar diteruskan bukan sahaja dapat menyumbang faedah nyata kepada masyarakat dan persekitaran, malah dapat memberi impak positif terhadap diri peserta yang terlibat," katanya ketika merasmikan program Semarak Khidmat Masyarakat @Komuniti di sini, hari ini.

Turut hadir EXCO Pembangunan Wanita, Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan Usahawan Kebajikan Wanita Negeri Kedah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tiang, YB Datuk Suraya Yaacob, Ahli Parlimen Pendang Dato' Wira Abdul dan Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg Dr Rose Lena Lazemi.

Sementara itu, beliau berkata, program "Cari dan Bantu" yang mula diperkenalkan menerusi program Kembara Kebajikan 1Malaysia (KK1M) dilihat berkesan dalam

memudah cara penyampaian perkhidmatan Jabatan dan agensi di bawah kementerian untuk mengesan rakyat yang memerlukan bantuan agensi berkenaan.

Jelasnya, bagi tahun 2016 (hingga Jun 2016), Kerajaan telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM774 juta dalam bentuk bantuan kebajikan yang memberi manfaat kepada seramai 483,271 orang penerima bantuan.

Keberkesanan pendekatan "Cari dan Bantu" ini dapat membantu mereka memerlukan bantuan JKM, katanya lagi.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tel : 08 8323 1087/ 1775 / 1773

E- mel: ukk@kpwkm.gov.my